



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	22/5/2019	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	KATS / YBM / PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

## ***Banteras aktiviti pemburuan haram***

**PENAHANAN** dua warga Vietnam di Hulu Sungai Tersat, Taman Negara Terengganu pada 15 April lalu berjaya membongkar kegiatan pemburuan haram di negara ini.

Ia merupakan sebahagian daripada sindiket pemburuan haram yang berjaya dibongkar oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) di bawah Program Perlindungan Harimau dan Rondaan (TP3) yang dilancarkan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar pada 17 Mac lalu sempena Hari Hidupan Liar Sedunia bagi memastikan spesies harimau malaya tidak pupus.

Melalui operasi itu, penubuhan pasukan petugas yang terdiri daripada 2,000 kakitangan melibatkan Perhilitan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia dianggap penting memandangkan semakin banyak peningkatan kes manusia menceroob habitat hidupan liar terutamanya harimau.

Malah Xavier juga pada 30 Julai tahun lalu menjelaskan kerajaan sedang mengkaji untuk meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dengan memperkenalkan hukuman penjara mandatori terhadap individu yang ditangkap memburu hidupan liar secara haram.

Pada 2013 hingga 2018, lebih 1,000 operasi telah dijalankan di mana 162 penceroboh terdiri daripada 98 warga tempatan dan 64 warga asing diberkas dan 3,500 jerat dimusnahkan kerana kesalahan memburu hidupan liar.

Berdasarkan kajian dilakukan oleh Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN), selain harimau antara hidupan liar yang menjadi sasaran pemburu haram ialah badak sumbu sumatera, gajah, tenggiling, beruang matahari dan juga kambing gurun.

Ini kerana nilai haiwan itu di pasaran gelap cukup lumayan. Harga bagi seekor harimau malaya boleh mencecah sehingga RM1 juta dan sebab itulah ia menjadi sasaran utama pemburu haram.

Sejak tahun 1950-an bilangan harimau malaya yang ada di belantara negara ini dianggarkan sebanyak 3,000 ekor dan jumlah itu berkurang kepada 250 hingga 340 ekor pada 2013.

Sekiranya aktiviti itu tidak dibanteras, kemungkinan jumlah ini akan terus menurun atau lebih dibimbangkan harimau malaya akan cuma tinggal nama sahaja.